

# SUMBANGAN ULAMA BANJAR DI KEDAH

Oleh Suhanim binti Abdullah

## Pengenalan

Kedah merupakan sebuah negeri yang mempunyai banyak para ulama sejak sekian lama, selain Kelantan dan Terengganu. Di antara tahun 1850-1935, terdapat lebih daripada 60 orang ulama di Kedah. Selain anak tempatan, banyak di kalangan ulama tersebut yang berasal dari negeri-negeri lain di alam Melayu terutamanya dari Patani, Aceh, Palembang dan Banjar.<sup>1</sup> Negeri Kedah menjadi tempat tumpuan dan penghijrahan para ulama disebabkan oleh Sultan-sultan Kedah yang bersimpati, menghargai para ulama dan membenarkan para ulama menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat.<sup>2</sup>

Para ulama merupakan golongan yang sangat dihormati dan berperanan mencorakkan pemikiran masyarakat. Mereka telah menabur jasa bakti kepada masyarakat dalam penyebaran dan perkembangan ilmu pengetahuan. Kebanyakan para ulama melibatkan diri sebagai guru di institusi pondok kerana mereka mahir dalam pelbagai bidang termasuklah tauhid, fikah, tasawuf, tafsir, hadis, nahu dan saraf. Menurut Abdullah Ishak, institusi pondok mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat Melayu terutamanya sebelum Perang Dunia Kedua.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Wan Shamsudin Mohd. Yusof. 1995. 'Alor Setar Sebagai Pusat Perkembangan Bahasa Melayu di Kedah' dalam *Cetera* (Jilid 2). Bil. 1. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman. hal.65

<sup>2</sup> Ishak Mohd. Rejab. 1981. 'Peranan Ulama Dalam Masyarakat Di Kedah Dengan Diberi Penekanan Kepada Tuan Hussein bin Muhammad Nasir al-Mas'udi Dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidek'. Kertas kerja yang dibentangkan pada Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman 1. Wisma Negeri, Alor Setar pada 28 November-1 Disember. hal.81-82

<sup>3</sup> Abdullah bin Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.hal.194

Selain berkhidmat mengajar di sekolah-sekolah pondok, terdapat ulama yang turut mengadakan pengajaran di masjid-masjid. Pengajaran di masjid biasanya dijalankan pada waktu petang, malam serta hujung minggu dan dihadiri oleh orang-orang dewasa.<sup>4</sup>Kini, terdapat juga ulama yang menyampaikan pengajaran menerusi radio dan televisyen untuk masyarakat umum sama ada berbentuk soal-jawab agama, syarahan, perbincangan dan forum. Para ulama juga menyampaikan ajaran Islam melalui penulisan kitab-kitab agama. Kitab-kitab tersebut menjadi rujukan dalam pengajaran di sekolah-sekolah pondok, pengajaran di masjid-masjid dan juga sebagai bacaan umum. Kitab-kitab tersebut merupakan bukti ketinggian pemikiran Islam dalam masyarakat Melayu sejak beberapa kurun yang lalu.

Ulama Banjar turut berhijrah ke Kedah dan memainkan peranan dalam menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat. Dalam kertas kerja ini, tumpuan diberikan kepada tiga orang ulama Banjar di Kedah iaitu Sheikh Muhammad Taib, Tuan Hussein Kedah dan Ustaz Ahmad Fahmi bin Zamzam.

### **Perpindahan Ulama Banjar ke Kedah**

Ulama Banjar yang terawal berhijrah ke Kedah ialah Kadi Haji Abu Suud bin Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari (1710-1812). Beliau merupakan anak Sheikh Muhammad Arsyad dengan isterinya yang bernama Tuan Bidur. Sebenarnya beliau tidak pernah merancang untuk menetap di Kedah. Kapal layar yang dinaikinya untuk pulang ke

---

<sup>4</sup> Nabir bin Abdullah.1976. *Maahad il Ihya Assyariff, Gunung Semanggol (1934-1959)*. Kuala Lumpur. Jabatan Sejarah UKM.hal.8

Martapura selepas menunaikan fardu haji telah singgah pada suatu malam di Kuala Kedah. Kebetulan pada waktu tersebut, Kuala Kedah sedang dikawal rapi oleh panglima-panglima negeri Kedah untuk menangkis serangan Siam kerana Kedah dan Siam pada masa tersebut sedang bersengketa.<sup>5</sup>

Apabila petugas Keamanan Kedah ternampak sebuah kapal layar berlabuh di situ, mereka memberi isyarat bahawa Kuala Kedah sedang dikawal rapi. Nakhoda kapal yang dinaiki oleh Kadi Haji Suud yang tidak tahu mengenai persengketaan Kedah-Siam menjawab isyarat tersebut dengan memberikan isyarat yang sama. Sebenarnya, nakhoda bertujuan untuk menyatakan bahawa penumpang-penumpang kapal memerlukan bantuan. Tetapi hasrat nakhoda telah disalah tafsir oleh petugas Keamanan Kedah yang menyangka bahawa penumpang-penumpang kapal bersedia untuk berlawan. Justeru, petugas-petugas Keamanan yang berkawal di pantai diarahkan pergi menyerang kapal tersebut. Tetapi petugas-petugas tersebut terperanjat kerana tidak terdapat tanda-tanda bahawa penumpang-penumpang kapal ingin beradu kekuatan. Mereka ditangkap dan dibawa ke pantai untuk disiasat. Setelah disiasat, terbukti bahawa mereka bukanlah wakil dari Siam, justeru maka mereka dibebaskan kembali.<sup>6</sup>

Berikutan peristiwa tersebut, Sultan Kedah meminta agar Kadi Haji Abu Su'ud terus tinggal di Kedah untuk mengajar ilmu agama kepada baginda dan rakyat Kedah. Ini

---

<sup>5</sup> Abu Daudi. 2003. *Maulana Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari (Tuan Haji Besar)*. Martapura: Yayasan Pendidikan Islam Dalam Pagar.hal.157.Lihat juga Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2001. *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu* (Jilid 14). Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah.hal.34. Lihat juga Sheikh Abdul Rahman Siddiq bin Muhammad Afif al-Banjari. 2005. *Shajarat al-Arsyadiyah*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.hal.30.

<sup>6</sup> Ibid.

kerana Kadi Haji Abu Su'ud memang berkebolehan. Beliau merupakan seorang ulama yang tegas, bertanggungjawab, berani dalam menegakkan kebenaran dan bijak dalam membuat keputusan.<sup>7</sup> Kekuatan peribadi Kadi Haji Su'ud disebabkan beliau merupakan anak kepada Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang sangat terkenal kerana bukunya *Sabil al-Muhtadin* menjadi kitab rujukan seluruh Asia Tenggara. Beliau dikatakan mewarisi ilmu agama daripada bapanya sehingga berjaya menjadi Kadi pertama di Banjar dan guru kepada Sultan Sulaiman. Selain itu, beliau juga mewarisi ilmu kepahlawanan daripada bapanya.<sup>8</sup> Beliau telah berkahwin dengan seorang keluarga diraja Kedah dan menetap di Titi Gajah.<sup>9</sup> Dari keturunan beliau, telah lahir beberapa ulama terkenal di Kedah iaitu Sheikh Muhammad Taib dan Tuan Hussein.

### **Latar belakang Sheikh Muhammad Taib**

Nama penuh beliau adalah Muhammad Taib bin Mas'ud bin Kadhi Haji Abu Su'ud bin Sheikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Beliau hidup sekitar abad ke-19. Menurut riwayatnya, perpindahan keluarganya dari Banjar ke Kedah berlaku apabila datuknya Kadi Haji Abu Su'ud., singgah di Kedah dalam perjalanannya ke Banjar setelah pulang menunaikan ibadat haji.<sup>10</sup>

Di Kedah, Sultan mencadangkan agar Kadhi Haji Abu Su'ud berkahwin dengan seorang perempuan dari keturunan Diraja Kedah. Dari perkahwinan tersebut, mereka

---

<sup>7</sup> Wan Mohd. Shaghir. 2001. op.cit. hal.34

<sup>8</sup> Abu Daudi. 2003.op.cit hal.157-158

<sup>9</sup> Ahmad Abdul Garni bin Haji Said. 'Tuan Hussein Kedah' Latihan Ilmiah Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sejarah). 1976/77, Universiti Malaya.hal.17

<sup>10</sup> Abu Daudi. 2003. op.cit. hal.157. Lihat juga Sheikh Abdul Rahman Siddiq.op.cit. hal.30.

memperolehi seorang anak diberi nama Mas'ud. Masud pula telah berkahwin dengan seorang perempuan bernama Rajmah. Mereka dikurniakan empat orang anak iaitu Haji Muhammad Taib (mufti, guru kepada sultan dan pengarang), Saerah, Haji Muhammad Zain (kadi) dan Haji Bahauddin (pahlawan).<sup>11</sup> Sheikh Mas'ud telah terkorban di Kuala Kedah pada tahun 1821 dalam peperangan antara Patani dan Kedah melawan Siam.<sup>12</sup> Oleh itu, namanya terkenal dan tercatat dalam beberapa buah manuskrip sebagai *Mas'ud al-Shahid*.<sup>13</sup> Jelaslah bahawa keturunan Sheikh Muhammad Taib adalah dari Banjar sebelah bapanya, dan dari Kedah sebelah ibunya.<sup>14</sup>

Sheikh Muhammad Taib masih mempunyai banyak saudara mara di Banjar. Menurut Abdul Rahman Siddiq, sebenarnya sebelum singgah di Kedah, Kadi Haji Abu Su'ud telah mempunyai dua orang isteri. Isteri pertama bernama Khadijah iaitu wanita dari Martapura. Mereka dikurniakan tiga orang anak iaitu Sofiah, Aishah dan Aminah. Isteri kedua pula bernama Aminah, iaitu wanita dari Amuntai dan dikurniakan seorang anak iaitu Haji Muhammad Said Jazuli.<sup>15</sup>

---

<sup>11</sup> Sheikh Abdul Rahman Siddiq bin Muhammad Afif al-Banjari. op.cit. hal. 32

<sup>12</sup> Abdul Rahman Abdullah.1998.*Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur dan Pulau Pinang: DBP dan USM.hal.31. Lihat juga Sheikh Niamat Yusoff dan Wan Shamsudin Mohd. Yusof.1996. 'Sejarah dan Perjuangan Ulama Kedah Darul Aman: Suatu Muqaddimah' dalam *Biografi Ulama Kedah Darul Aman* (Jilid 1). Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman.hal.54

<sup>13</sup> Nama Mas'ud al-Shahid ada tercatat dalam tulisan Sheikh Abdul Rahman Siddiq. op.cit. hal.33. Nama Masud al-Banjari al-Shahid juga tercatat dalam Kitab Karangan Tuan Hussein, *Usul al-Tauhid*. Hal. 82.

<sup>14</sup> Wan Mohd. Shaghir. 2001. op.cit. hal. 35

<sup>15</sup> Sheikh Abdul Rahman Siddiq.op.cit.hal.30

Pada usia muda, Sheikh Muhammad Taib menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran. Beliau memperolehi pendidikan asas dari bapa dan datuknya sendiri. Selain itu, Sheikh Muhammad Taib juga pergi menuntut ilmu dari saudara-maranya yang menjadi ulama di Banjar, Jawa, Bangka, Belitung dan Makkah.<sup>16</sup> Menurut Ishak Mohd. Rejab, Sheikh Muhammad Taib pernah berguru kepada Tuan Samela di Patani.<sup>17</sup> Sheikh Muhammad Taib juga dipercayai merupakan anak murid kepada Sheikh Ismail bin Abdullah al-Khalidi yang berasal dari Minangkabau. Ini kerana nama beliau tercatat dalam sebuah karyanya berjudul *Fath al-Hadi* sebagai ‘Sheikh Muhammad Taib bin Mas’ud al-Khalidi al-Naqsyabandi’. Gelaran al-Khalidi dipercayai merujuk kepada gurunya, Sheikh Ismail yang hidup sezaman, dan terkenal sebagai seorang ulama penyebar tariqat Naqshabandiyah aliran al-Khalidiyah di Riau-Lingga, Melaka dan Kedah.<sup>18</sup>

### **Sumbangan dalam Pendidikan Pondok**

Sheikh Muhammad Taib merupakan antara ulama awal yang membuka pondok di Titi Gajah sekitar tahun 1870-an, bersama-sama dengan Tuan Haji Ishak yang membuka pondok Pulau Pisang, Tuan Haji Muhammad Nor yang membuka Pondok Langgar dan Haji Muhammad Aji yang membuka Pondok Penumpang.<sup>19</sup> Sheikh Muhammad Taib membuka pondok di Titi Gajah untuk menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat.

---

<sup>16</sup> Wan Mohd. Shaghir. 2001. op.cit. hal.35-36

<sup>17</sup> Ishak Mohd. Rejab. 1993. op.cit. hal. 40

<sup>18</sup> Wan Mohd. Shaghir bin Abdullah. ‘Muhammad Taib Penerus Tradisi Ulama Banjar’ dalam Bicara Agama, Utusan Malaysia. 8 Januari 2007.hal.5

<sup>19</sup> Ahmad Jelani bin Halimi. 1989. ‘Sistem Pendidikan Melayu (Islam) Tradisional Merujuk Kepada Sistem Pendidikan Pondok di Kedah: Asal Usul dan Perkembangannya Hingga 1957’ Tesis Sarjana Pendidikan USM.hal.138

Sebagai seorang guru terkenal, beliau berjaya melahirkan banyak cerdik-pandai di kalangan masyarakat tempatan dan juga negeri-negeri lain di alam Melayu. Antara murid beliau yang terkenal ialah cucunya sendiri iaitu Tuan Hussein Kedah<sup>20</sup> dan Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, iaitu seorang ulama terkenal yang berasal dari Patani dan penyusun kitab.<sup>21</sup>

### **Sumbangan Dalam Pentadbiran Agama**

Oleh sebab sultan-sultan Kedah menghormati dan menghargai para ulama, maka ada di kalangan ulama yang dilantik sebagai penasihat dan guru kepada Sultan. Antaranya termasuklah Sheikh Abdul Jalil al-Mahdani dari Palembang yang menjadi guru kepada Sultan Muhammad Jiwa Zainal ‘Adilin Mu’azzam Shah (M1129H).<sup>22</sup> Seorang ulama dari Hijaz, Syarif Aznan, telah dilantik oleh Sultan Sulaiman Shah II (1602-1620) selaku Mufti bergelar Dato’ Siraja Imam.<sup>23</sup>

Sheikh Muhammad Taib juga dilantik sebagai mufti dan penasihat kepada Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1853-1879).<sup>24</sup> Sebagai pembesar negeri, Sheikh Muhammad Taib sering dibawa bersama beberapa orang pembesar lain ke kota Bangkok apabila Sultan Ahmad Tajuddin mengadakan sesuatu perbincangan atau rundingan dengan kerajaan Siam.<sup>25</sup> Menurut Muhammad Hassan:

---

<sup>20</sup> Ishak Mohd. Rejab. 1993. ‘Haji Husain Mohd. Nasir al-Mas’udi al-Banjari. Ismail Mat (ed.). *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi: Penerbit UKM. hal. 40

<sup>21</sup> Wan Mohd. Shaghir bin Abdullah. 2007. op.cit. hal.5

<sup>22</sup> Ishak Mohd. Rejab. 1981. op.cit. hal.81-82

<sup>23</sup> Muhammad Hassan bin Tok Kerani Mohd. Arshad. op.cit.hal.55-57

<sup>24</sup> Ibid.hal.221

<sup>25</sup> Sheikh Niamat dan Wan Shamsudin.op.cit.hal.10-11

Apakala ada sesuatu pekerjaan yang besar-besar yang hendak dilaksanakan, Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia bermuafakat dengan Wan Ibrahim dan Wan Ismail dan Tuan Syed Abdullah al-Jafri dan Tuan Haji Muhammad Taib Mufti dan Tuan Haji Muhammad Salleh Ulama.<sup>26</sup>

Oleh sebab tugasnya sebagai penasihat kepada pemerintah, beliau menulis kitab mengenai politik dan pemerintahan berjudul *Liqaz al-Ghafilin wa Nasihat al-Salatin*. Buku tersebut merupakan nasihat dan tunjuk ajar kepada para pentadbir negeri. Walaupun karya beliau tidak sehebat kitab Taj al-Salatin (1603) yang ditulis oleh Bukhari al-Jauhari dan kitab Bustan al-Salatin (1638) yang ditulis oleh Nuruddin al-Raniri, tetapi sekurang-kurangnya Sheikh Muhammad Taib turut menyumbang dalam penulisan karya bersifat politik dan pemerintahan.<sup>27</sup>

### **Sumbangan Dalam Penulisan**

Sheikh Muhammad Taib juga adalah seorang pengarang kitab-kitab agama. Karangannya yang diketahui termasuklah<sup>28</sup>:

---

<sup>26</sup> Muhammad Hassan.op.cit.hal.222

<sup>27</sup> Sheikh Niamat dan Wan Shamsudin.op.cit.hal.11

<sup>28</sup> Wan Mohd. Shaghir.2001.op.cit.hal.36. Lihat juga Sheikh Niamat dan Wan Shamsudin.op.cit.hal.10-11

1. *Miftah al-Jannah fi Bayan al-Aqidah (Akidah)*

Kitab ini membicarakan tentang ilmu usuluddin. Kitab ini selesai ditulis pada hari Isnin, 11 Syawal 1274H. Kitab ini diterbitkan dan dicetak oleh Maktabah dan Matbaah Muhammad al-Nahdi wa Auladihi.

2. *Bidayah al-Ghilman fi Bayan Arkan al-Iman*

Kitab ini membicarakan tentang sifat 20. Kitab ini selesai ditulis pada tahun 1297H.

3. *Bidayah al-Ghulam fi Bayan Arkan al-Islam*

Kitab ini membincangkan tentang Rukun Islam.

4. *Liqaz al-Ghafilin wa Nasihat al-Salatin*

Kitab ini mengandungi nasihat dan tunjuk ajar tentang pemerintahan dan pentadbiran. Kitab ini selesai ditulis pada hari Selasa, 13 Muharram 1280H dan mengandungi 89 halaman.

5. *Kitab al-Nikah*

Kitab ini membincangkan tentang perkahwinan dalam Islam. Kitab ini selesai ditulis pada hari Jumaat, 25 Syawal 1256H di Langkat, Sumatera Utara.

## 6.Fath al-Hadi(tasawuf)<sup>29</sup>

Kitab ini adalah kitab tasawuf yang membincangkan tentang ilmu hakikat. Kitab ini merupakan terjemahan dan petikan daripada kitab Syarh Tuhfah al-Mursalah oleh Syeikh Muhammad bin Fadlullah al-Burhanpuri, disyarah oleh Sheikh Abdul Ghani al-Nablusi. Kitab ini selesai ditulis pada hari Isnin, 4 Jamadil Akhir 1282H.

### **Latar Belakang Tuan Hussein Kedah**

Tuan Hussein lahir pada 2 November, 1863 di Titi Gajah, Alor Setar. Tuan Hussein merupakan keturunan keenam dari ulama besar Sheikh Muhammad Arshad bin Abdullah al-Banjari, pengarang *Sabil al-Muhtadin* yang berasal dari negeri Martapura, Banjarmasin.<sup>30</sup> Tuan Hussein dibesarkan oleh datuknya Sheikh Muhammad Taib. Oleh sebab Sheikh Muhammad Taib membuka surau di Titi Gajah untuk mengajar agama, maka Tuan Hussein telah membesar dalam suasana menuntut ilmu pengetahuan. Sejak kecil Tuan Hussein diberi pendidikan agama dan pelajaran bahasa Arab oleh datuknya, sehingga beliau dapat menguasai ilmu-ilmu itu dengan baik ketika umurnya meningkat sembilan belas tahun.<sup>31</sup>

Apabila berusia 19 tahun, Tuan Hussein mula mengembara untuk menuntut ilmu pengetahuan. Beliau mengembara ke Patani, Kelantan, Terengganu, Singapura, Johor, Melaka, Selangor, Perak, Medan dan Aceh. Selain belajar, beliau juga membuat kerja-kerja kampung, mengajar agama di surau dan mengajar kanak-kanak membaca al-

---

<sup>29</sup> Wan Mohd. Shaghir.2007.op.cit.hal.5

<sup>30</sup> Ishak Rejab. 1993. op.cit. hal.38

<sup>31</sup> Ibid. hal.40

Quran.<sup>32</sup> Sepanjang pengembaraan tersebut, Tuan Hussein tidak bertemu dengan institusi pendidikan yang menawarkan pendidikan yang lebih tinggi dari pondok datuknya. Oleh itu dia lebih memberi tumpuan untuk bekerja.<sup>33</sup>

Pada tahun 1892, Tuan Hussein pergi ke Makkah untuk menunaikan haji di samping menambah pengetahuan agama. Beliau meluangkan masa selama empat tahun untuk belajar daripada guru-guru yang terkenal. Beliau berpeluang belajar dengan Tuan Syekh Hasbullah, Tuan Sheikh Nawawi Bentan, Tuan Sheikh Ahmad Lingga, Tuan Sheikh Umar Sumbawa, Tuan Sheikh Umar Bali dan Tuan Sheikh Muhammad Khafat. Beliau juga sempat berkenalan dengan Haji Muhamad Yusof Kelantan (Tok Kenali) dan Haji Wan Sulaiman Kedah<sup>34</sup>

### **Sumbangan Dalam Pendidikan**

Tuan Hussein merupakan seorang guru pondok yang terkenal. Satu perkara yang menarik dalam kegiatannya menyebarkan ilmu pengetahuan Islam kepada masyarakat, beliau tidak menetap di satu tempat seperti kebiasaan yang dilakukan oleh para ulama pada masanya. Sebaliknya, beliau telah berpindah sebanyak 6 kali kerana membuka pondok di tempat yang berlainan.<sup>35</sup>

---

<sup>32</sup> Ismail Saleh. 1996. 'Tuan Hussein Kedah (1863-1936)' dalam *Biografi Ulama Kedah Darul Aman*. Jilid 1. Alor Setar: Lembaga Muzium Kedah Darul Aman. hal. 54-55

<sup>33</sup> Mustafa Mohd. Isa. 1990. 'Alim Ulama di negeri Kedah: Peranan Dua Orang Tokoh Dalam Perkembangan Persuratan Jawi. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. USM. hal.109

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Ishak Mohd.Rejab.1993.op.cit.hal.43

Perpindahannya yang pertama ialah dari Titi Gajah ke Alor Ganu, iaitu dalam tahun 1315H/1887M. Tiga tahun kemudian iaitu pada tahun 1319H/1890M, beliau mengambil keputusan untuk ke Bohor. Di Bohor, beliau tinggal paling lama iaitu lebih kurang tiga belas tahun. Setelah itu, beliau berpindah pula ke Pantai Merdeka (Bagan Ulu). Setelah lebih kurang tujuh tahun mengajar di Pantai Merdeka, beliau mengambil keputusan untuk berpindah ke Selengkoh, Sungai Limau pada tahun 1340H/1920M. Seterusnya pada tahun 1344H/1924M, beliau berpindah ke Batu Enam Belas, Padang Lumat. Akhir sekali iaitu pada tahun 1348H/1929M, beliau berpindah ke Pokok Sena, Seberang Perai.<sup>36</sup>

Antara Pondok Tuan Hussein yang mendapat sambutan menggalakkan ialah Pondok Bohor, Alor Setar yang dibuka pada tahun 1900. Pondok tersebut mempunyai kawasan seluas 20 relung dan jumlah pondoknya melebihi 300 buah. Bilangan pelajar di Pondok Bohor didapati hampir sama dengan semua jumlah pelajar sekolah kerajaan di Kedah pada waktu tersebut.<sup>37</sup>

Tuan Hussein juga merupakan seorang guru yang sering mengajar di masjid-masjid. Beliau banyak menerima undangan mengajar termasuk di Istana Kuala Kangsar, Masjid Bukit Chandan, Masjid Telok Anson (Teluk Intan) dan Masjid Parit di Perak. Pengajaran agama Tuan Hussein akan diiklankan berhari-hari sebelum kedatangannya, dan ternyata pengajarannya mendapat sambutan yang hebat daripada masyarakat.<sup>38</sup>

## **Sumbangan Dalam Penulisan**

---

<sup>36</sup> Ibid.

<sup>37</sup> Abdullah bin Ishak. op.cit. hal.194

<sup>38</sup> Ismail Saleh.op.cit.hal.59

Tuan Hussein merupakan seorang ulama yang rajin berkarya. Kitab-kitab karangannya menjadi rujukan para pelajar pondoknya dan masyarakat umumnya. Antara kitab-kitabnya yang diketahui ialah 18 buah kitab iaitu: <sup>39</sup>:

*1.al-Nur al-Mustafid fi Aqa'id Ahl al-Tauhid*

Kitab ini membincangkan tentang tauhid dan selesai ditulis pada tahun 1887.

*2.Tamrin al-Sibyan*

Kitab ini membincangkan tentang tauhid dan selesai ditulis pada 1899.

*3.Hidayat al-Sibyan*

Kitab ini membicarakan tentang akidah (iman,islam, sifat 20) dan fiqh (bersuci, solat, zakat, puasa dan haji). Kitab ini selesai ditulis pada hari Isnin, 18 Muharram 1330H. Kitab ini dicetak oleh Matba'ah bin Halabi, Thailand tanpa tahun. Kitab ini mengandungi 38 halaman.

*4.Hidayat al-Mutafakkirin*

Kitab ini membincangkan tentang akidah termasuklah wujud Allah, sifat, nama dan perbuatan Allah, risalah bagi Rasul dan hari kiamat. Kitab ini selesai ditulis pada 3 Rabiul Awal 1337H. Kitab ini dicetak kali pertama oleh Matbaah Persama, Achen Street,

---

<sup>39</sup> Ishak Mohd. Rejab.1993.op.cit.hal.45

Pulau Pinang pada 3 Rabiul Akhir 1377H. Kitab ini dicetak kali keenam oleh Percetakan al-Muarif Sdn. Bhd., Pulau Pinang. Kitab ini mempunyai 41 halaman.

*5. Kasr al-Iksir*

Kitab ini mengandungi panduan untuk mengenal diri dan selesai ditulis pada tahun 1920.

*6. Tadkir Qabail al-Qadhi.*

Kitab ini merupakan terjemahan Hadis Jawahir al-Bukhari. Kitab ini selesai ditulis pada tahun 1923.

*7. Qatr al-Ghaithiah.*

Kitab ini membincangkan tentang ilmu hakikat dan tasawuf. Kitab ini selesai ditulis pada hari Selasa 25 Jamadil Awal 1348H. Kitab ini diterbitkan oleh Haji Abdullah bin Muhammad Nuruddin al-Rawi dan dicetak oleh United Press, Pulau Pinang. Kitab ini masih berada di pasaran kerana dicetak semula oleh Maktabah bin Halabi, Thailand. Kitab ini mengandungi 47 halaman.

*8. Bidayat al-Talibin.*

Kitab ini adalah kitab tasawuf, membincangkan tentang nazar yang menyampaikan kepada *makrifatullah*. Kitab ini selesai ditulis pada hari Sabtu 27 Rabiul Akhir 1344H.

Kitab ini dicetak oleh United Press, Pulau Pinang pada 1357H (cetakan kedua). Kitab ini mengandungi 27 halaman.

*9.Hidayat al-Atfal*

Kitab ini membincangkan tentang tauhid. Kitab ini selesai ditulis pada tahun 1917.

*10.Malaqit al-Lamiyah wa al-Syafiah.*

Kitab ini membincangkan mengenai bahasa Arab dan ilmu saraf. Kitab ini selesai ditulis pada tahun 1925.

*11.Tafrih al-Sibyan.*

Kitab ini menceritakan tentang kelahiran Nabi Muhammad saw. Kitab ini selesai ditulis pada hari Selasa, 3 Rabiul Awal tahun 1341H. Kitab ini dicetak oleh Persama Press, Pulau Pinang pada tahun 1962. Kitab ini mengandungi 42 halaman.

*12.Usul al-Tauhid*

Kitab ini membincangkan tentang ilmu tauhid dan fiqh. Kitab ini selesai ditulis pada 6 Syawal 1346H. Kitab ini dicetak semula oleh United Press, Pulau Pinang pada 11 Jamadil Awal 1393H. Kitab ini mengandungi 83 halaman.

*13.Hidayat al-Nikah.*

Kitab ini membincangkan mengenai hukum perkahwinan dalam Islam. Kitab ini selesai ditulis pada tahun 1928.

14. *Tabsirah li Uli al-Albab.*

Kitab ini membicarakan mengenai ilmu tauhid. Kitab ini selesai ditulis pada tahun 1931.

15. *Hidayat al-Ghilman.*

Kitab ini membicarakan ilmu tauhid. Kitab ini selesai ditulis pada tahun 1932.

16. *Majmuk al-La'ali.*

Kitab ini membicarakan tentang ilmu fiqh termasuklah hukum sembahyang, kelebihanannya, wirid dan doa dalam bentuk soal-jawab. Kitab ini selesai ditulis pada hari Isnin 20 Rejab 1350H. Kitab ini merupakan naskhah tulisan tangan yang mengandungi 31 halaman.

17. *Tanbih al-Ikhwan fi Tadbir al-Ma'isyah wa Taslih al-Buldan.*

Kitab ini membicarakan tentang aspek sosial dan kaedah pembangunan negara menurut Islam.

18. Bunga Ganti

Kitab ini membicarakan mengenai sembahyang qadha.

Daripada 18 buah kitab karangan Tuan Hussein, hanya 3 yang masih berada di pasaran iaitu *Hidayat al-Sibyan*, *Hidayat al-Mutafakkirin* dan *Qatr al-Ghaisiyyah*. Kitab-kitab

lainnya ada yang disimpan di Perpustakaan Negara, Arkib Negara Malaysia (Cawangan Kedah dan Perlis) dan juga menjadi koleksi peribadi.

### **Latar belakang Ustaz Ahmad Fahmi bin Zamzam**

Ustaz Ahmad Fahmi bin Zamzam juga dikenali melalui nama penanya Abu Ali al-Banjari al-Nadwi al-Maliki. Beliau dilahirkan di Amuntai, dekat Banjarmasin, Kalimantan Selatan pada 9 Jun 1959. Beliau mendapat pendidikan awal di kampungnya sendiri. Seterusnya pada tahun 1973-1978, beliau melanjutkan pelajarannya di Pondok Pesantren Darussalam Martapura, Kalimantan Selatan. Pada 1979, beliau melanjutkan pengajian di Yayasan Pesantren Islam (YAPI) di Bangil, Jawa Timur. Pada 1980, beliau melanjutkan pengajian di Nadwatul Ulama, Lucknow India di bawah asuhan Sayid Abul Hasan Ali al-Hasani al-Nadwi (wafat 1420H/1999M) sehingga memperolehi ijazah pertama (BA) pada tahun 1983. Pada tahun 1984, beliau berkunjung ke negeri Kedah dan tinggal di Maahad Tarbiah Islamiah Derang, Pokok Sena, Kedah. Beliau kembali ke India pada 1985 untuk menyelesaikan pengajiannya di peringkat sarjana dalam bidang Dakwah dan Sastera Arab (1987).<sup>40</sup>

Pada tahun 1988, Ustaz Ahmad Fahmi sempat berguru di Makkah dengan Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani (wafat 1410H/1990M) dan berjaya memperoleh *al-Ijazah al-Ammah* dalam ilmu hadis dari gurunya itu. Beliau juga sempat berguru dengan Sayid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani (wafat 1425H/2004M), sehingga dianugerahi

---

<sup>40</sup> Wawancara dengan Ustaz Ahmad Fahmi bin Zamzam pada 22 November 2007

gelaran ‘al-Maliki’ pada tahun 2002 atas kebolehan dan kefahamannya dalam persoalan agama.<sup>41</sup>

### **Sumbangan Dalam Pendidikan**

Ustaz Ahmad Fahmi telah berkhidmat lebih dari 20 tahun di Maahad Tarbiah Islamiah Derang, Kedah dalam usaha mendidik anak bangsa dan memimpin mereka ke jalan Allah. Pada tahun 2001, beliau mendirikan Pondok Pesantren YASIN di Muara Teweh, Kalimantan Tengah. Seterusnya pada tahun 2003, beliau mendirikan Pondok Pesantren YASIN yang kedua di Banjarbaru, Kalimantan Selatan. Oleh itu, sejak tahun 2001, beliau sentiasa berulang alik antara Malaysia dan Indonesia.<sup>42</sup>

Ustaz Ahmad Fahmi bin Zamzam juga merupakan seorang guru agama yang sering menyampaikan pengajaran di masjid-masjid terutamanya di Kedah. Sebagai seorang guru yang tinggi ilmunya, pengajaran-pengajaran beliau turut mendapat sambutan daripada masyarakat. Selain itu, beliau turut juga dijemput oleh Radio RTM Kedah untuk mengisi ruangan Kemusykilan Agama yang disiarkan secara langsung sejak tahun 1994 sehingga 2001. Melalui ruangan tersebut, beliau berpeluang membantu masyarakat dalam menyelesaikan masalah-masalah agama berkaitan dengan kehidupan seharian.<sup>43</sup>

### **Sumbangan Dalam Penulisan**

---

<sup>41</sup> Ibid.

<sup>42</sup> Ibid

<sup>43</sup> Ibid.

Walaupun sibuk dengan kegiatan mengajar, Ustaz Fahmi Zamzam telah mengarang pelbagai kitab. Beliau merupakan seorang penulis yang berbakat. Biasanya beliau menggunakan nama pena iaitu Abu Ali al-Banjari. Sehingga kini, Ustaz Ahmad Fahmi bin Zamzam telah menulis 16 buah buku iaitu:

1. Empat Puluh Hadis Peristiwa Akhir Zaman (edisi jawi dan rumi)

Kitab ini membincangkan tentang tanda-tanda kiamat yang telah dan sedang kita rasai. Kitab ini selesai ditulis pada 7 Rejab 1411H bersamaan 23 Januari 1991M. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah, dan dicetak kali kedua pada tahun 2000.

2. Empat Puluh Hadis Penawar Hati (edisi jawi dan rumi)

Kitab ini membincangkan tentang cara-cara merawat hati yang dipenuhi kekotoran dan dosa melalui hadis-hadis pilihan. Kitab ini selesai ditulis pada 9 Ramadan 1412H bersamaan 14 Mac 1992. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah dan dicetak kali kelima pada tahun 2003.

3. Empat Puluh Hadis Akhlak Mulia (edisi jawi dan rumi)

Kitab ini memuatkan contoh-contoh terbaik dari akhlak Rasulullah saw. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah dan dicetak kali pertama pada tahun 2004.

4. Terjemahan Empat Puluh Hadis Kelebihan Ilmu dan Ulama (edisi jawi dan rumi)

Kitab ini memperkatakan tentang kelebihan ilmu dan ketinggian darjat para ulama yang ditulis oleh KH. Muhammad Syukeri bin Unus al-Banjari. Kitab ini biasanya diajar pada permulaan tahun pengajian. Kitab ini selesai diterjemah pada 21 Muharram 1425H bersamaan 13 Mac 2004. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah dan dicetak kali pertama pada tahun 2004.

5. Terjemahan *Bidayat al-Hidayah* (edisi jawi dan rumi)

Kitab ini merupakan kitab tasawuf karangan Imam al-Ghazali, iaitu ringkasan dari karyanya *Ihya Ulumiddin*. Kitab ini membincangkan tentang amalan harian, adab-adab untuk melakukan amal ibadat, cara untuk meninggalkan dosa dan maksiat, adab-adab pergaulan seseorang dengan Allah dan pergaulan dengan sesama makhluk. Kitab ini selesai ditulis pada hari Khamis, 16 Rabiul Awal 1414H bersamaan 2 September 1993 di *al-Zawiyah al-Ghazaliyah*, Damsyik. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah dan dicetak kali kelima pada tahun 2007.

6. Terjemahan *Ayyuhal Walad* (edisi jawi dan rumi)

Kitab ini merupakan terjemahan dari karya al-Ghazali, yang mengandungi nasihat kepada anak-anak. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah.

7. Terjemahan *Ya Bunayya* (edisi jawi dan rumi)

Kitab ini memuatkan 40 nasihat Imam Ibnul Wardi kepada anak-anak remaja, dengan terjemahan dan huraian oleh Ustaz Ahmad Fahmi. Kitab ini selesai ditulis pada hari Khamis, 20 Rabiul Awal 1425H bersamaan 13 Mei 2004 di Masjid Takiyah

Sulaimaniyah, Damsyik, Syria. Kitab ini diterbit oleh Khazanah Banjariah dan dicetak kali kedua pada tahun 2006.

#### 8. Terjemahan *Bustan al-Arifin* (edisi jawi dan rumi)

Kitab ini adalah kitab tasawuf karangan Imam al-Nawawi yang mengandungi nasihat dan tunjuk ajar bagi orang-orang yang berusaha untuk menuju *makrifatullah*. Kitab ini selesai ditulis pada hari Isnin, 2 Rabiul Awal 1416H bersamaan 28 Ogos 1995 di Darul Hadis al-Asyrafiiyyah, Damsyiq. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah dan dicetak kali pertama pada tahun 2005.

#### 9. Terjemahan Qasidah Burdah

Pengarang asal Qasidah Burdah ialah Imam Muhammad bin Said al-Bushiri.<sup>44</sup> Kandungan utama qasidah ini ialah tentang puji-pujian kepada Rasulullah saw, perjuangannya dan para sahabatnya. Kitab ini selesai ditulis pada 27 Muharram 1419H bersamaan 23 Mei 1998. Kitab ini diterbit oleh Khazanah Banjariah, dan dicetak kali keempat pada tahun 2008.

#### 10. Kiamat Hampir Tiba

Kitab ini menceritakan tentang peristiwa-peristiwa sebelum kelahiran Dajjal, semasa kemunculan Dajjal dan setelah terbunuh Dajjal sehingga berlaku kiamat. Kitab ini selesai ditulis pada 23 Jamadil Akhir 1418H bersamaan 25 Oktober 1997. Kitab ini diterbit oleh Khazanah Banjariah dan dicetak kali ketiga pada tahun 2005.

---

<sup>44</sup> Beliau lahir di Bahtim, Mesir pada tahun 608H (1212M) dan berasal dari Morocco (Maghribi). Beliau meninggal dunia di Iskandariah, Mesir pada tahun 696H (1296M).

#### 11. Sejarah Perkembangan Islam di India.

Kitab ini menceritakan tentang sejarah kemasukan Islam ke India dan perkembangannya.

Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah dan dicetak pada tahun 1992.

#### 12. Sejarah Hidup Sayid Abul Hasan al-Nadwi

Kitab ini menceritakan tentang sejarah hidup dan pemikiran seorang tokoh ulama semasa yang banyak mengupas mengenai pendidikan, kesufian, tamadun, politik dan pemikiran.

Kitab ini selesai ditulis pada 28 Zulhijjah 1420H bersamaan 3 April 2000. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah, Pokok Sena, Kedah dan dicetak kali pertama pada tahun 2000.

#### 13. Sejarah Hidup Sayid Muhammad Alawi al-Maliki dan Pemikirannya

Kitab ini memperkatakan tentang seorang ulama yang terkenal di Makkah, dan merupakan keturunan Rasulullah dari zuriat Hassan bin Ali bin Abi Talib. Kitab ini selesai ditulis pada 2 Muharram 1426H bersamaan 11 Februari 2005. Diterbitkan oleh Khazanah Banjariah dan dicetak kali pertama pada tahun 2005.

#### 14. Tahqiq kitab *Sair al-Salikin* (edisi jawi dan rumi)

Kitab *Sair al-Salikin* merupakan terjemahan terhadap karya Imam al-Ghazali, *Lubab Ihya Ulumiddin* yang diusahakan oleh Sheikh Abdul Samad al-Palembangi. Kitab ini mengandungi 4 jilid. Kitab ini membicarakan mengenai perjalanan orang yang salik dalam melaksanakan ibadat kepada Allah. Kitab ini disunting oleh Ustaz Fahmi bin

Zamzam dan diterbitkan oleh Khazanah Banjariah dan Pustaka Darussalam, dan dicetak kali pertama pada tahun 2003.

15. Tahqiq kitab *Hidayat al-Salikin* (edisi jawi dan rumi)

Kitab *Hidayat al-Salikin* merupakan terjemahan terhadap karya Imam al-Ghazali, *Bidayat al-Hidayah* yang diusahakan oleh Sheikh Abdul Samad al-Palembangi. Tajuk kitab ini bermaksud petunjuk jalan bagi orang yang takut kepada Allah. Kitab ini selesai disunting oleh Ustaz Ahmad Fahmi bin Zamzam pada hari Rabu, 12 Zulkaedah 1426H bersamaan 14 Disember 2005. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah dan Pustaka Suhbah, dan dicetak kali kedua pada tahun 2008.

16. Bekal Akhirat

Kitab ini merupakan himpunan surah-surah pilihan, zikir, hizib, salawat, doa, qasidah wirid dan tariqat. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah Banjariah, dan dicetak kali keempat pada tahun 2004.

## **Penutup**

Para ulama Banjar telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan Islam khususnya di Kedah. Antaranya ialah membuka dan mengajar agama di sekolah-sekolah pondok. Ini menunjukkan mereka mempunyai ketinggian ilmu pengetahuan apabila sekolah-sekolah pondok mereka sangat digemari oleh para pelajar. Selain itu, ada juga di antara para ulama yang menjadi mufti dan penasihat kepada pemerintah dalam perkara-

perkara berkaitan agama. Ini menunjukkan kemampuan mereka dalam memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada Sultan tentang persoalan-persoalan agama dalam urusan pemerintahan. Para ulama tersebut juga merupakan pengarang berbakat yang telah menghasilkan pelbagai karya yang menjadi rujukan bukan sekadar di Kedah, tetapi di seluruh alam Melayu. Para ulama tersebut memiliki ketajaman pena yang kelihatan jelas dari karya-karya mereka yang membahas pelbagai masalah kehidupan. Ada juga di kalangan ulama yang menyampaikan pengajaran agama menerusi halaqah di masjid-masjid dan rancangan agama di radio. Sumbangan para ulama tersebut harus dihargai dan karya-karya penulisan mereka perlu dikaji dan dicetak mengikut versi moden supaya masyarakat kini dapat mempelajari dan menghayatinya.

### **Bibliografi**

Abdul Rahman Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur dan Pulau Pinang: DBP dan USM.

Abdullah bin Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.

Abu Daudi. 2003. *Maulana Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari (Tuan Haji Besar)*. Martapura: Yayasan Pendidikan Islam Dalam Pagar

Ahmad Abdul Garni bin Haji Said. 1976/77. 'Tuan Hussein Kedah' Latihan Ilmiah Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sejarah), Universiti Malaya.

Ahmad Jelani bin Halimi. 1989. *Sistem Pendidikan Melayu (Islam) Tradisional Merujuk Kepada Sistem Pendidikan Pondok di Kedah: Asal Usul dan Perkembangannya Hingga 1957*. Tesis Sarjana Pendidikan USM

Ishak Mohd. Rejab.1981. 'Peranan Ulama Dalam Masyarakat Di Kedah Dengan Diberi Penekanan Kepada Tuan Hussein bin Muhammad Nasir al-Mas'udi Dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidek'. Kertas kerja yang dibentangkan pada Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman 1. Wisma Negeri, Alor Setar pada 28 November-1 Disember.

Ishak Mohd. Rejab. 1993. 'Haji Husain Mohd. Nasir al-Masudi al-Banjari' dalam Ismail Mat (ed.). *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi: Penerbit UKM

Ismail Saleh.1996. 'Tuan Hussein Kedah' dalam *Biografi Ulama Kedah Darul Aman* (Jilid 1). Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman

Muhammad Hassan bin Tok Kerani Mohd. Arshad. 1968. *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: DBP

Mustafa Mohd. Isa. 1990. *Alim Ulama di Negeri Kedah: Peranan Dua Orang Tokoh Dalam Perkembangan Persuratan Jawi*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM

Nabir bin Abdullah.1976. *Maahad il Ihya Assyariff, Gunung Semanggol (1934-1959)*. Kuala Lumpur. Jabatan Sejarah UKM

Sheikh Abdul Rahman Siddiq bin Muhammad Afif al-Banjari. 2005. *Shajarat al-Arsyadiyah*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah

Sheikh Niamat Yusoff dan Wan Shamsudin Mohd. Yusof.1996. 'Sejarah dan Perjuangan Ulama Kedah Darul Aman: Suatu Muqaddimah' dalam *Biografi Ulama Kedah Darul Aman* (Jilid 1). Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2001. *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu* (Jilid 14). Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah.

Wan Mohd. Shaghir bin Abdullah. 'Muhammad Taib Penerus Tradisi Ulama Banjar' dalam *Bicara Agama, Utusan Malaysia*. 8 Januari 2007

Wan Shamsudin Mohd. Yusof. 1995. 'Alor Setar Sebagai Pusat Perkembangan Bahasa Melayu di Kedah' dalam *Cetera* (Jilid 2). Bil. 1. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman.

Wawancara dengan Ustaz Ahmad Fahmi bin Zamzam pada 22 November 2007